



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

### LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN

Organisasi	Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah	Muka surat	1 / 6
		Bil. Audit	2 / 2023
Lokasi Audit	Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah	Skop	Semua PK dan AK kecuali PKSO-03, PKSO- 04, PKSO- 05 dan PKSO-09, PKOP-03 (dibatalkan)
Audit	Puan Khaziyati binti Osman	Jawatan	Pengarah Cawangan
Kriteria Audit	Audit Proses MS ISO 9001:2015		
Audit Objektif	1. Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti IAB dipatuhi dari 11/3/2023 hingga 20/8/2023 2. Melapor dan menjelaskan sebarang pemerhatian dan ketidakpatuhan amalan dan mengaitkannya dengan prosedur. 3. Mendokumentasikan pemerhatian dan dapatan audit. 4. Mengesahkan tindakan pembetulan yang sesuai telah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.		
Ketua Pasukan	Dr. Fetty S Lin Yahaya	Juruaudit	1. Dr Fetty Shamy Lin binti Yahaya // Ketua Juruaudit 2. Dr Sainah Limbasan // Penolong Ketua Juruaudit & Ketua pasukan 3. Dr. Abdul Ghani bin Sani // Penolong Ketua Juruaudit & Ketua pasukan 4. En. Norman bin Sani // Juruaudit 5. Tn.Haji Salleh bin Ismail Kong // Ketua pasukan 6. En. Darussalam Nehemia Bonel Pantulusang // Ketua pasukan 7. Pn. Hjh. Kasmah binti Abdullah // Ketua pasukan 8. Tn.Haji Abdullah Mohamad // Ketua pasukan 9. En. Robit bin Yusie Fus Han / Juruaudit 10. En. Indra Sahril bin Sayuti /Juruaudit 11. Hjh. Azizah binti Sharif /Juruaudit 12. Tn. Hj. Aminuddin bin Ismail / Juruaudit
Tarikh Audit	11/3/2023 hingga 20/8/2023		

			13. En Carl Martin Albert / Juruaudit 14. Pn Rainy Sintia / Juruaudit 15. Dr Esmali Bari / Juruaudit 16. Pn Hayati binti Omar / Juruaudit 17. Pn Nor Hamizan Melin / Juruaudit 18. En Kadir binti Ali / Juruaudit 19. Dr Ghazali @ Hassan bin Sulaiman / Juruaudit 20. Puan Chin Siew Moi / Juruaudit 21. En. Morris Anak Lat / Juruaudit 22. Dr Melati Jilon/ Juruaudit 23. Dr Cheong Shaw Mei/ Juruaudit 24. Puan Jamilah Othman/ Juruaudit
Bil. orang/hari	22 orang / 5 hari	Tahap Kerumitan	Sederhana
Bil. Ketakuran	0	Bil Peluang untuk Penambahbaikan	0

## 1.0 MAKLUMAT ORGANISASI DAN AUDIT

**Nama: Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah**

**Alamat: KM15, Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.**

## 2.0 RUMUSAN AUDIT

### 2.1 Komitmen Pasukan Audit

2.1.1 Secara keseluruhannya, Institut Aminuddin Baki cawangan sabah telah mengamalkan sistem kualiti dengan mengikut prosedur kualiti MS ISO 9001:2015.

2.1.2 Pembudayaan amalan mematuhi standard Sistem Pengurusan Kualiti dalam organisasi dengan mengikut prosedur kualiti MS ISO 9001:2015.

2.1.3. Semua audit telah komited dalam memberikan kerjasama pengauditan.

2.1.4 Tiada bilangan ketakuran dan tiada bilangan peluang untuk penambahbaikan ditemui kali ini

### 2.2 Kekuatan sepanjang proses Audit

2.2.1 Komitmen dan kerjasama pihak pengurusan IAB Cawangan Sabah dalam memainkan peranan untuk memastikan semua warga IAB Cawangan Sabah mematuhi prosedur kualiti MS ISO 9001:2015 telah memudahkan pelaksanaan proses audit dalaman.

2.2.2 Proses Audit Dalaman IAB Cawangan Sabah telah dilaksanakan dengan sistematis. Pasukan auditor dan para auditi telah mempamerkan sikap profesional dan semangat kekitaan dalam kerja sepasukan.

2.2.3 Jabatan Kepimpinan Kualiti dan Inovasi selaku urus setia Audit Dalaman IAB Cawangan Sabah telah berjaya memastikan kelancaran proses pengauditan. Memo berkaitan pelaksanaan Audit Dalam telah disebarluas melalui emel dan Group WhatsApp rasmi. 'Google Drive' telah disediakan untuk memudahkan auditor memuatnaik dan menyimpan dokumen Audit Dalam.



2.2.4 Proses pengauditan berjaya dilaksanakan melalui perundingan antara auditor dan auditi sama ada secara bersemuka mahupun secara dalam talian serta di luar waktu kerja. semua auditor dan auditi komited sepanjang tempoh pengauditan.

2.2.5 Proses audit dalaman telah dilaksanakan dalam suasana yang harmoni dan mesra. Auditi telah menyediakan dokumen yang diperlukan sebagai eviden.

### 3.0 CADANGAN AUDIT

Proses Audit Kualiti Dalaman IAB Cawangan Sabah berjalan lancar dan berjaya dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, satu cadangan penambahbaikan perlu dilakukan untuk persediaan yang lebih mantap dalam audit pensijilan semula MS ISO 9001:2015. Berikut perkara yang dicadangkan seperti berikut:

3.1 Dicadangkan auditor silang yang mengaudit cawangan dapat menetapkan auditi semasa mesyuarat pembukaan audit dalaman untuk persediaan di pihak auditi.

Ketua Juruaudit	 Nama/Tandatangan DR. FETTY SHAMY LIN BINTI YAHDAYA	Tarikh	8 September 2023
Wakil Auditi	 Nama/Tandatangan <b>KHAZIYATI BINTI OSMAN</b> Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah Kementerian Pendidikan Malaysia	Tarikh	11/9/2023

## **4.0 PENEMUAN AUDIT UTAMA**

### **4.1 Komitmen Pengurusan Atasan / Konteks**

Bagi memastikan setiap tugas di IAB Cawangan Sabah mematuhi prosedur kualiti yang ditetapkan, pihak pengurusan atasan IAB Cawangan Sabah telah memberi kerjasama dan komitmen yang amat tinggi.

Pengarah Cawangan Sabah hadir dalam mesyuarat pembukaan Audit Dalaman Bilangan 2 Tahun 2023 yang telah dilaksanakan pada 4/9/2022 (Isnin – 2.00 petang) dan semasa penutupan Audit Kualiti Dalaman, dihadiri oleh Pengarah Cawangan sendiri pada 8/9/2023 (Jumaat – 2.30 petang). Pelbagai program dan aktiviti juga telah dilaksanakan untuk memperkasakan sistem pengurusan kualiti organisasi.

### **4.2 Kajian Semula Pengurusan**

Pra Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan di peringkat IAB Cawangan Sabah telah dirancang dan dilaksanakan pada 8/9/2023 selepas penutupan Audit Kualiti Dalaman sebelum Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang diadakan bersama IAB Induk untuk memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan.

### **4.3 Pelaksanaan Dasar dan Objektif Kualiti dan Perancangan**

Pihak pengurusan sentiasa memantau pencapaian objektif melalui pengukuran dan pengawalan yang ditetapkan terutama melalui laporan kursus BK15a, BK15b, BK15c, BK15d, BK30, BK38, prestasi piagam pelanggan dan prestasi KPI IAB.

### **4.4 Kawalan terhadap Aktiviti Kritikal**

#### **4.4.1 Kawalan Kualiti Program Latihan (PKOP-02)**

Salah satu fungsi utama IAB adalah penyampaian latihan. Proses penyampaian latihan sentiasa dikawal dan dipantau dengan baik agar prosedur kualiti yang ditetapkan dipatuhi. BK15a Rumusan Penilaian Sesi Latihan dan BK15b Rumusan Penilaian Khidmat Sokongan menjadi salah satu aspek yang disenaraikan dalam bidang keberhasilan pensyarah.

#### **4.4.2 Penilaian Sesi Latihan dan Khidmat Sokongan Program Latihan (PKOP-04)**

Pencapaian semua pensyarah dalam BK09 dan BK10 adalah melebihi 85% yang ditetapkan di dalam piagam pelanggan.

#### **4.4.3 Persekutaran Tempat Latihan (PKOP-05)**

Penggunaan QR Code berkaitan aduan dalaman, penggunaan BK13a Borang Semakan Peralatan Asas dan Kebersihan, BK13b Borang Semakan Kemudahan Alatan Elektronik / ICT Kursus dan amalan EKSA digunakan untuk memastikan kemudahan lengkap dan selamat digunakan sebelum kursus bermula.

### **4.5 Aduan Pelanggan, Maklum balas dan Komunikasi**

Prosedur Kualiti PKSI-05 diperkemas dengan penggunaan SISPAA yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 2017. Dalam tempoh pengauditan ini, IAB Cawangan Sabah tidak mempunyai sebarang aduan dalam SISPAA. Pihak IAB Cawangan Sabah juga masih menyediakan QR Code (e-4ABS) yang diwujudkan sebagai salah satu inovasi pada tahun 2019 untuk memberi ruang dan pilihan saluran aduan kepada pelanggan membuat aduan khususnya SISPAA dan Aduan Dalaman (Bilik Kuliah, Dewan, Masjid, Kemudahan Sukan, Tandas) di IAB Cawangan Sabah.

### **4.6 Keutamaan terhadap Pelanggan**

Pihak pengurusan didapati mengambil tindakan dengan segera jika terdapat aduan untuk memastikan kepuasan pelanggan sentiasa dipenuhi.

### **4.7 Pengukuran, Analisis dan Pemantauan Data**

Pihak pengurusan didapati melaksanakan pemantauan secara berkala mengikut keperluan selepas mendapatkan maklumat mengenai penilaian kursus dari borang BK30 dan BK38.

#### **4.8 Tindakan Pembetulan/ Pengurusan Risiko**

Walaupun tiada bilangan NCR dan OFI didapati semasa Audit Dalaman bil 2 2023 ini, namun, pihak urus setia dengan sokongan pihak pengurusan sentiasa mengingatkan semua warga IABC SBH untuk peka dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan.

#### **4.9 Pematuhan terhadap Keperluan Peraturan dan Arahan Kerajaan**

Pihak IAB Cawangan Sabah telah melaksanakan tindakan berdasarkan peraturan, pekeliling dan surat siaran perbendaharaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

#### **4.10 Penambahbaikan Berterusan**

IAB Cawangan Sabah menyemak dan memantau objektif dan sasaran dengan merujuk kepada data yang terkumpul. IAB Cawangan Sabah juga peka akan arahan kualiti yang terkini. Tindakan penambahbaikan akan diambil jika ada keperluan.

#### **4.11 Kawalan Dokumen dan Data/Kematangan Sistem**

Pihak IAB Induk didapati telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti dengan merujuk dokumen dalam Laman SP-Q Portal Rasmi IAB. Makluman dokumen kualiti yang telah dikemaskini juga dimaklumkan kepada semua staf melalui emel.

#### **4.12 Pengurusan Sumber / Pengetahuan Organisasi / Kekompetenan**

Pengurusan sumber IAB Cawangan Sabah dilaksanakan dengan baik dan mematuhi prosedur kualiti MS ISO 9001:2015 yang ditetapkan. Kursus dan bengkel pembangunan staf juga telah dirancang dan dilaksanakan dengan proses kerja yang betul.

#### **4.13 Aktiviti Perolehan dan *outsourced***

Proses perolehan di IAB Cawangan Sabah telah dilaksanakan dengan baik dan mematuhi prosedur kualiti yang ditetapkan.

#### **4.14 Reka bentuk dan Pembangunan**

Pengurusan Reka Bentuk dan Pembangunan di IAB Cawangan Sabah telah dilaksanakan dengan mengikuti proses kelulusan yang ditetapkan.

#### **4.15 Audit Dalaman Lepas**

Audit Dalaman bilangan 1 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 13 hingga 23 Mac 2023 dengan mengikuti proses yang sistematik.

### **5.0 KOMEN LAIN**

#### **5.1 Komen Positif**

Semua warga di IAB Cawangan Sabah telah menunjukkan kematangan dalam tahap disiplin, berdikari, bertanggungjawab dan komitmen yang baik terhadap Audit Kualiti Dalaman Bilangan 2 Tahun 2023. Dokumen dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 telah dipatuhi agar proses kerja di IAB Cawangan Sabah sentiasa menepati KPI yang ditetapkan. Selain itu, usaha untuk dilakukan dalam menggalakkan pendekatan bimbingan berterusan, *coaching* dan *mentoring* tentang Audit Dalaman terhadap warga IAB Cawangan Sabah untuk meningkatkan kesedaran, persediaan dan kemahiran dalam audit ini.

#### **5.2 Pemerhatian/Peluang untuk Penambahbaikan**

Walaupun tiada bilangan NCR dan OFI didapati semasa Audit Dalaman bil 2 2023 ini, namun melalui pemerhatian dan perbincangan dari masa ke semasa untuk penambahbaikan berterusan, pasukan Audit Dalaman IAB Cawangan Sabah sedar bahawa sentiasa wujud peluang untuk membuat penambahbaikan/ OFI.

#### **5.3 Penambahbaikan Sejak Audit Lepas (termasuk Tindakan Susulan terhadap**

##### **Ketakakuran)**

5.3.1 Berdasarkan laporan Audit Dalaman Bilangan 1 Tahun 2023 oleh IAB Cawangan Sabah, **tiada ketakakuran**. Namun, melalui pemerhatian dan perbincangan dari masa ke semasa untuk penambahbaikan berterusan, pasukan

Audit Dalaman IAB Cawangan Sabah sedar bahawa sentiasa wujud peluang untuk membuat penambahbaikan/ OFI.

5.3.2 Laporan Audit Dalaman Bilangan 2 Tahun 2023 oleh IAB Cawangan Sabah juga **tiada ketakakuran**.

## **6.0 PENAFIAN**

- 6.1 Pengauditan dilaksanakan berdasarkan kaedah persampelan dalam tempoh audit bermula 4 hingga 8 September 2023.
- 6.2 Apa yang tidak dikemukakan tidak bermakna kelemahan tidak wujud pada sistem.
- 6.3 Sekiranya kelemahan yang sama wujud di mana-mana proses di dalam sistem, organisasi perlu mengambil tindakan pembetulan, walaupun tidak dinyatakan dalam laporan ini.